

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 15 JULAI 2019

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan akhir yang sedang menjalani hukuman gantung mengikut pecahan etnik, umur, kesalahan dan status sosioekonomi seperti pekerjaan dan berapakah daripada mereka yang menunggu keputusan Lembaga Rayuan serta bagaimanakah Kerajaan akan mengurus banduan-banduan ini apabila undang-undang hukuman gantung mandatori dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 17 Jun 2019, terdapat seramai 1,298 banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana 475 orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, manakala 823 orang dalam proses rayuan di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah banduan akhir tersebut, statistik menunjukkan seramai 337 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh), di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai 930 orang yang telah

disabitkan, manakala seramai 8 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan (berperang dengan Yang Dipertuan Agong). Selain itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi) terdapat seramai 13 orang, dan rekod menunjukkan bahawa terdapat 2 orang dan 7 orang masing-masing disabitkan di bawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Keseksaan (rompakan berkumpulan dan pembunuhan). Manakala, terdapat seorang banduan yang telah disabitkan di bawah Seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjatapi dan bahan letupan).

Bagi pecahan mengikut kewarganegaraan pula, rekod Jabatan Penjara menunjukkan terdapat 739 warganegara Malaysia dan 559 orang adalah warganegara asing, yang berasal daripada 44 buah negara.

Seramai 402 orang terdiri daripada yang berumur 21 tahun kepada 30 tahun. Seramai 533 orang berada dalam kategori umur di antara 31 tahun kepada 40 tahun, manakala 265 orang pula adalah berumur di antara 41 tahun kepada 50 tahun. Bagi banduan akhir yang berumur di antara 51 tahun kepada 60 tahun, terdapat seramai 80 orang dan 18 orang merupakan banduan akhir berumur 60 tahun ke atas.

Berdasarkan kepada sosioekonomi pula, seramai 235 orang tidak bekerja, 144 orang adalah ahli perniagaan, 143 orang pekerja buruh, dan 90 orang bekerja sendiri. Mereka ini mewakili 40.2% keseluruhan jumlah banduan akhir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama hayat dan hukuman pemenjaraan seumur hidup, maka akan berlaku penambahan kos untuk menampung banduan berkenaan. Ini adalah kerana banduan tersebut akan menjalani tempoh pemenjaraan yang lebih panjang berbanding dengan banduan hukuman mati, kecuali banduan-banduan berkenaan mendapat pengampunan atau peringanan hukuman dari Lembaga Pengampunan Negeri. Kos bagi mengendalikan seorang banduan sehari di penjara berjumlah sebanyak RM 41.10.